

Pertahan maruah menerusi sifat malu

Wanita usah mudah terperangkap dengan godaan gugat keimanan

Nik Salida Shuhaila

salidasuhaila99@yahoo.com



DEWASA ini, banyak berlaku kejadian buruk ke atas wanita dan ia dikatakan satu perangkap. Jika ia perangkap manusia bertopengkan syaitan durjana, sudah tentulah kita tidak mampu menghalangnya melainkan adanya sifat malu yang menghalang kita daripada menurut kehendak mereka.

Sekiranya perangkap manusia pula, tanggapan itu tidak membawa makna tanpa bukti yang kukuh untuk mengesahkannya. Tidak dapat dinafikan pula bukan senang mencari dan mengumpul bukti, kerana setiap perancangan manusia ada strategi, tetapi setiap yang tidak baik dilakukan ke atas orang lain sudah tentulah ada balasan yang setimpal.

Setiap wanita haruslah bijak mengurus kehidupan, sesuai dengan sifat malu yang tebal menghiasi peribadi mereka. Walaupun malu sebahagian sifat 'wajib' wanita, ia tidak bermakna wanita tidak dapat melewati ruang khalayak yang sedikit sebanyak dapat ditembusi sekiranya sifat malu itu diurus dengan bijak.

Sebab itulah malu dalam Islam bukanlah semata-mata sifat wanita, tetapi juga sifat yang sepatutnya ada pada setiap lelaki. Sifat malu membawa kebaikan kepada manusia kerana daripadanya datang sifat mahmudah (murni) seperti taat perintah Tuhan, sabar, menjauhi maksiat, pemaaf, belas kasihan, berbaik sangka, ikhlas serta jujur dan amanah.



GAMBAR HIASAN

SIFAT malu tidak harus jadi batu penghalang untuk menimba ilmu.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Rasa malu tidak datang melainkan dengan kebaikan." (Mutafaq alaih).

Bagi wanita, rasa malu menjadi sebahagian naluri yang hadir secara semula jadi. Ada wanita yang cenderung kepada peribadi yang maskulin, dan ia bukan satu kesalahan kerana sifat lemah lembut tidak menjamin adanya rasa malu dan sifat yang lasak dan kasar pula tidak menjadi penentu tiadanya rasa malu.

Sebab itulah orang yang berasa malu untuk melakukan dosa tidak semestinya orang yang tersipu-sipu atau sentiasa segan silu, kerana rasa malu kepada Allah tidak sama seperti rasa malu sesama manusia.

Hakikat yang berlaku hari ini ialah rasa malu yang tebal kepada manusia mengatasi rasa malu kepada Allah SWT. Dalam dunia yang mencabar seperti hari ini, manusia akan rosak dan binasa sekiranya tiada rasa malu

kerana aib melakukan dosa dan maksiat tidak cukup menjadi penghalang manusia daripada menjauhi larangan Allah SWT.

Sedangkan wanita yang sentiasa berada di dalam petunjuk agama pasti memiliki sifat menjaga kemuliaan diri. Walaupun sedang menghadapi kesulitan, atau diduga dengan pelbagai musibah, selain daripada berusaha mengatasi masalah tersebut, wanita harus sentiasa bersabar dan berlingdung dengan maruah dan harga diri.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Sesiapa yang menjaga kesucian dirinya, maka Allah SWT akan menjaga kesuciannya. Siapa yang merasa cukup, maka Allah SWT akan memberikan kecukupan. Sesiapa yang berusaha untuk selalu bersabar, maka Allah SWT akan memberinya kesabaran. Dan tidak seorang pun yang diberikan sesuatu hal, yang lebih baik dan lebih luas dari kesabaran." (Mutafaq alaih).

Apabila tidak sabar, disebabkan tiada rasa malu, wanita mudah terperangkap dengan bisikan syaitan yang sentiasa menggoda mereka untuk melakukan perkara yang dilarang agama. Bukan sedikit wanita yang mempunyai masalah keluarga atau masalah dengan pasangan, berkongsi masalah mereka dengan orang yang tidak sepatutnya atau yang boleh menimbulkan fitnah.

Ada pula yang memberi alasan bahawa mereka lebih percayakan rakan lelaki daripada wanita, tanpa memikirkan sesuatu yang lebih buruk mungkin berlaku disebabkan 'kepercayaan' itu.

Mengikut panduan agama, orang yang terbaik yang mungkin boleh menyelesaikan masalah rumah tangga ialah orang yang paling dihormati dalam kalangan ahli keluarga, sama ada bapa, ibu atau saudara mereka, bukannya orang yang mungkin mengambil kesempatan, boleh menyebabkan fitnah atau yang tidak mampu berbuat apa-apa melainkan hanya mendengar saja.

Tentulah ada sebabnya, bahkan logik akal juga memberi isyarat yang serupa, bahawa setiap masalah mestilah diselesaikan untuk mencari titik penyelesaian, bukannya memburukkan keadaan.

Walaupun dalam keadaan yang lemah dan tiada daya, setiap wanita harus terus mempertahankan sifat malu dan menolak celaan yang mungkin timbul akibat melakukan perbuatan yang dilarang agama. Yang paling penting, keduadukan wanita sebagai insan yang asasnya sentiasa berhijab dari lelaki melainkan yang mahram harus menjadi nadi kekuatan yang meneguhkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.

PETIKAN



Sesiapa yang menjaga kesucian dirinya, maka Allah SWT akan menjaga kesuciannya. Siapa yang merasa cukup, maka Allah SWT akan memberikan kecukupan. Sesiapa yang berusaha untuk selalu bersabar, maka Allah SWT akan memberinya kesabaran....

Mutafaq alaih

Wanita harus ingat, lagi tebal sifat malu, lagi kuat iman mereka kepada Allah SWT. Tetapi sekiranya mereka mendakwa mempunyai sifat malu dan dalam masa yang sama sangat mudah terperangkap dan diperangkap oleh syaitan durjana, sifat malu itu tidak lain hanyalah sifat malu kepada manusia semata-mata, dan bukanlah sifat malu yang menjadi sebahagian daripada cabang iman.

Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis diriwayatkan dari Abu Hurairah ra, mafhumnya: "Iman itu terdiri daripada 71 atau 79 cabang, atau 61 sampai 69 cabang. Yang paling utama adalah ucapan 'Lailahailallah dan yang terendah ialah menyingkirkan duri dari jalan. Dan malu juga sebahagian daripada cabang iman.'" (Mutafaq alaih).

Alangkah hebatnya wanita yang sifat malunya mengatasi kehendak dan keinginan sebagai manusia yang sentiasa lupa dan alpa. Malu menjadikan wanita perkasa di sisi Allah SWT, bahkan malu juga membuatkan wanita kuat menghadapi segala ujian dan dugaan dunia.